

17 SEP 2001

MUSTAPA-MTEN

MTEN AKAN BINCANG CARA RINGKANKAN BEBAN EKONOMI

KUCHING, 17 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam tempoh seminggu dua ini bagi membincangkan cara-cara meringankan beban kesan daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kata pengarah eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed.

"Kerajaan akan meneliti keadaan ini dan sudah pasti langkah-langkah yang sesuai akan difikirkan untuk melindungi kepentingan ekonomi Malaysia," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia di sini, malam tadi.

Dr Mahathir adalah pengerusi Exco MTEN.

Mustapa berkata setakat ini bentuk tindakan masih lagi belum dimuktamadkan sementara elemen-elemen yang akan diambilkira belum diteliti dengan halus.

Dijangkakan ekonomi AS akan lebih terjejas akibat serangan pengganas ke atas mercu tandanya iaitu World Trade Centre di New York dan ibu pejabat pertahanannya iaitu Pentagon di Washington.

Malaysia telahpun menubuhkan pasukan khas pada 13 Sept terdiri daripada wakil kerajaan dan swasta untuk memantau setiap hari kesan-kesan serangan pengganas tersebut ke atas ekonomi negara.

Berikutan serangan tersebut barangan elektronik yang diekspot melalui udara ke AS tidak dapat dihantar kerana penutupan lapangan terbangnya.

"Kita memantau setiap hari tetapi kita memerlukan sedikit masa lagi sebelum merangka satu pelan tindakan. Kita perlu beberapa hari untuk melihat keadaan sebenarnya," kata Mustapa.

Beliau berkata yang penting ialah Malaysia perlu memantau keadaan dengan rapi kerana sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang terbuka ia banyak bergantung kepada perdagangan luar negeri dan juga industri pelancongan.

Jika keadaan ekonomi dunia terjejas akibat dari apa yang berlaku di AS sudah pasti Malaysia juga akan turut terjejas, tambahnya.-- BERNAMA

MSL ZK